

CNS3515

R GB 19-05 00204 BA883

bah

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA SANGGUP HANTAR TENTERA BERPERANG DI BOSNIA, KATA PM

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sanggup menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina untuk berperang jika diperlukan.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun Malaysia amat tidak puas hati dengan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang dikuasai negara-negara yang mempunyai kuasa veto yang akan menyekat Malaysia daripada menolong rakyat Bosnia.

"Mereka sendiri tidak sanggup menolong dan mereka menghalang kita daripada menolong," katanya kepada pemberita selepas merasmikan permulaan kerja pembinaan Kilang Pengacuan Proton di Taman Perindustrian Hicom-Glenmarie di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Iran bahawa ia dan masyarakat Islam antarabangsa sedia menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina bagi memerangi kekejaman Serb terhadap umat Islam.

Dr Mahathir berkata negara-negara yang menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan itu juga menghalang orang Bosnia daripada mendapatkan senjata untuk mempertahankan diri.

Tindakan itu seperti seseorang yang diketuk dengan kayu dihalang orang lain daripada mendapatkan kayu atas alasan takut si mangsa membalas pukulan, katanya. Bagi mereka (negara-negara anggota tetap Majlis Keselamatan), lebih baik seorang saja mati daripada dua orang.

"Saya tidak tahu apa jenis logik yang mereka gunakan," katanya. -- Lagi.

♥19/05/19-50MST

CNS3535

R GB 19-05 00166 BA884

bah

Mahathir - Bosnia 2 Shah Alam

Ketika ditanya mengenai cadangan kerajaan untuk membenarkan syarikat penerbangan kedua ditubuhkan selepas Penerbangan Malaysia (MAS), Dr Mahathir berkata MAS sudah berkembang dengan pesat sehingga ke tahap kemampuannya dan Malaysia perlu menubuhkan satu lagi syarikat penerbangan.

Katanya, tujuannya ialah bagi mengadakan penerbangan ke destinasi yang tidak diliputi oleh MAS tetapi masih mempunyai potensi. Bagaimapun beliau menegaskan bahawa ia bukan untuk menyaingi MAS tetapi untuk melengkapi perkhidmatan MAS.

"Mungkin syarikat penerbangan kedua ini berasaskan kepada Pelangi Air dan mungkin juga syarikat penerbangan lain, mungkin juga gabungan, dan sesiapa juga termasuk MAS boleh melabur dalam syarikat penerbangan kedua ini," katanya.

Dr Mahathir berkata syarikat itu akan mengendalikan penerbangan ke destinasi luar negeri sahaja dan apabila ia dapat ditubuhkan, terpulanglah kepada pelabur dalam syarikat itu nanti untuk menentukannya.

Beliau berkata jika mungkin, kerajaan tidak akan melabur dalam penerbangan kedua itu sebab kerajaan mahu syarikat swasta yang menjalankan perniagaan, bukannya kerajaan. -- Lagi.

♥19/05/20-02MST

CNS3551

R GB 19-05 00145 BA886

bah

Mahathir - Bosnia 3 (akhir) Shah Alam

Mengenai masalah Kemboja, Perdana Menteri berkata keadaan yang timbul sekarang memang sudah dijangka kerana Malaysia tidak pernah percaya bahawa Khmer Rouge akan bekerjasama melepaskan kuasa.

Dr Mahathir berkata masalah itu mestilah ditangani dengan cara yang betul oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

"Jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai berundur, pada pandangan kita ia agak tidak berguna," katanya.

Perdana Menteri juga berkata negeri Kelantan akan didesak supaya meminda Perlembagaannya jika daripada segi undang-undang, ia dimestikan berbuat demikian.

Beliau ditanya mengenai laporan bahawa Kelantan tidak akan meminda Perlembagaannya bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan seperti negeri-negeri lain.

Bagaimapun beliau berkata belum diketahui kedudukannya daripada segi undang-undang sama ada Kelantan dimestikan atau tidak membuat pindaan itu.

-- Bernama

MNY NM.

19950516MEM